

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak telah dianugerahkan "**Award for Outstanding Contribution To Education**". Manakala Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYA-GSB), dianugerahkan "**Innovation Leadership Award**" bagi kategori Sekolah Perniagaan dan anugerah tersebut diterima oleh Dekan OYA-GSB, Prof. Dr. Noor Azizi Ismail.

Anugerah berprestij yang diadakan di Suntec Convention Centre, Suntec City, Singapura ini adalah bertujuan memberi pengiktirafan terhadap sumbangan ilmuwan, tokoh-tokoh serta institusi akademik dalam bidang perniagaan dan pengurusan di peringkat rantau Asia Pasifik.

Majlis penganugerahan ini adalah anjuran CMO Asia Advisory Board dengan kerjasama CMO Council yang Beribu Pejabat di India telah bertindak selaku rakan strategik dengan beberapa kumpulan industri sebagai rakan penyelidikan bagi pemilihan setiap anugerah. Sebanyak 29 buah negara telah dipilih pada kali ini dalam pelbagai kategori untuk menerima anugerah termasuk Malaysia seperti India, Singapura, Korea Selatan, Qatar, UAE dan lain-lain lagi.

Majlis anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif CMO Asia dengan dihadiri seramai lebih 200 jemputan dari pelbagai pemain-pemain industri perniagaan dan juga institusi-institusi pengajian tinggi terkemuka dunia yang pada kali ini dianjurkan di Negara Singapura, Jumaat lalu.

Antara penerima-penerima di Majlis tersebut selain dari UUM adalah seperti UKM, UTM, USM, Nanyang Business School, Ateneo de Manila, Filipina, Sassin Business School dan banyak lagi Institusi terkemuka rantau Asia.

Sambil melahirkan rasa kesyukuran, Mustafa berkata "Segala usaha keras yang telah kita usahakan selama ini untuk menjadikan UUM sebagai sebuah universiti pengurusan yang terkemuka sudah mula membuahkan hasil. Pelan transformasi yang kita sasarkan sedikit sebanyak telah memberi kesan terutamanya dalam aspek pengantarabangsaan".

Tambah beliau lagi, "UUM gembira kerana kita menerimanya bersama-sama universiti ternama yang lain termasuk dua buah Universiti Penyelidikan di Malaysia iaitu UKM dan UTM. Dengan penganugerahan ini diharap ianya dapat menjadi pemangkin kepada semua warga UUM agar lebih banyak lagi memperoleh pengiktirafan samada di peringkat nasional mahupun antarabangsa".

Dalam hal ini, Mustafa berkata "Pengiktirafan ini sekaligus menunjukkan bahawa UUM telah diiktiraf oleh antarabangsa selaku salah sebuah Top Business School yang ada dirantau ini".

Katanya lagi "UUM harus lebih menonjolkan lagi program-program yang berteraskan aspek pengurusan, perniagaan, ICT dan sebagainya kerana bidang ini merupakan bidang tujahan (*niche area*) Universiti ini agar lebih dikenali dimata dunia".

Antara tokoh-tokoh yang turut menerima anugerah pada majlis tersebut ialah Prof Tan Sri Dato' Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Naib Canselor UKM dan Prof. Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang, Naib Canselor UTM.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my